

JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya **45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janji temu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur.**

Datang lebih awal dari masa janji temu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

JANJI TEMU & MAKLUMAT

PEMERIKSAAN

FLUOROSKOPI (KERONGKONG, PERUT & USUS KECIL)

BAHGIAN PEMERIKSAAN :.....

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:

MASA:.....**PAGI/PETANG**

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

CAJ PROSEDUR :.....

ALAHAN / ASMA : YA / TIDAK

NOTA PENTING!!!! Sila lihat di mukasurat belakang brosur

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79493523/ 2526 (kaunter janji temu)

Pemeriksaan Fluoroskopi.

1. Apakah itu Fluoroskopi?

Ia merupakan teknik X-ray pengimejan yang digunakan untuk memperolehi imej bergerak ('real time') bagi organ dalaman pesakit melalui penggunaan mesin Fluoroskopi dengan atau tanpa agen kontras.

2. Apakah kegunaan pemeriksaan Fluoroskopi yang dilakukan?

Biasanya merujuk kepada saluran gastrointestinal (*barium swallow-esofagus*, *barium meals-gaster*, *barium enema-usus besar*). Agen kontras seperti barium selalunya diberikan secara oral atau melalui anus bergantung kepada pemeriksaan.

3. Adakah terdapat sebarang risiko semasa prosedur Fluoroskopi dilakukan?

Semua jenis prosedur Fluoroskopi terdedah kepada risiko radiasi terhadap pesakit. Walau bagaimanapun, setiap prosedur yang dilakukan dinilai dari segi risiko dan kelebihan terhadap pesakit. Kadar dos radiasi rendah dipraktikkan untuk mengurangkan dos kepada pesakit.

4. Perlukah saya berpuasa sebelum menjalani prosedur Fluoroskopi?

Juru X-ray atau Pembantu Tadbir (P/O) bahagian janjitemu akan menerangkan prosedur tersebut kepada anda semasa tarikh janjitemu diberikan. Anda juga perlu memberitahu Juru X-ray atau Pembantu Tadbir (P/O) bahagian janjitemu sekiranya anda mengandung.

Persediaan pesakit sebelum pemeriksaan Fluoroskopi.

Pemeriksaan Kerongkong, Perut dan Usus kecil:

Anda diminta tidak mengambil sebarang jenis ubat pada hari pemeriksaan.

Anda diminta tidak mengambil makanan selepas pukul 10 malam, sehari sebelum pemeriksaan.

Pemeriksaan akan mengambil masa dari 1 hingga 3 jam. Jika pemeriksaan lanjut diperlukan, anda mungkin dikehendaki menunggu sehingga 7 jam atau datang semula pada keesokan harinya.